

Projek dua empangan tidak ditangguh lagi: MB

Kerajaan Pusat lulus geran RM200 juta sepanjang RMK-9 untuk mengganti paip lama bagi mengurangkan air tak terhasil

Oleh Hussain Said

SEREMBAN: Kerajaan negeri akan memastikan pembinaan Empangan Triang di Jelebu dan Batu Hampar, Rembau dengan anggaran kos RM1 bilion tidak lagi tertangguh sebagaimana berlaku dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Sebaliknya, pembinaan Empangan Triang yang akan membabitkan kos kira-kira RM750 juta dan Empangan Batu Hampar pada kos RM284 juta akan disegerakan sebagaimana kelulusan yang sudah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dalam RMK-9, baru-baru ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad

Hasan, berkata pembinaan kedua-dua empangan itu terutama Empangan Triang yang sepatutnya dimulakan pada 2003 amat perlu bagi menampung permintaan bekalan air terutama di daerah Seremban.

Katanya, Empangan Sungai Terip yang menjadi punca utama bekalan air di daerah ini hanya dapat membekalkan air bersih antara 65 hingga 70 juta gelen sehari, berbanding permintaan sebanyak 75 juta gelen sehari.

"Ini bermakna kita kekurangan lima juta gelen sehari dan pembinaan Empangan Triang perlu disegerakan, terutama dalam tempoh dua tahun ini bagi mengelakkan sebarang masalah

kekurangan bekalan pada masa depan.

"Apatah lagi, banyak projek pembangunan sedang dirancang di daerah ini terutama di Sendayan, Nilai, Enstek Labu dan Seremban 2 yang memerlukan tambahan bekalan air," katanya.

Menteri Besar berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di pejabatnya di sini.

Mohamad berkata, pembinaan Empangan Triang tidak akan membabitkan pembinaan loji rawatan baru di empangan berkenaan, sebaliknya akan disalurkan ke Loji Sungai Terip untuk diproses.

Katanya, Loji Sungai Terip mempunyai kemampuan memproses air mentah sebanyak 150 juta hingga 170 juta gelen

sehari sekali gus dapat menjimatkan kira-kira RM100 juta.

Sementara itu, Mohamad berkata, Kerajaan Persekutuan juga meluluskan geran sebanyak RM200 juta dalam tempoh lima tahun sepanjang RMK-9 untuk mengganti paip lama bagi mengurangkan air yang tidak terhasil (NRW).

"Tidak guna kita membuat empangan bernilai RM1 bilion sekiranya 50 peratus air yang diproses terbuang begitu saja kerana paip bocor atau meter rosak.

"Ini kerana paip yang ada di negeri ini sudah berusia 20 tahun tanpa diganti sekali gus banyak kebocoran berlaku yang menyebabkan pembaziran air.

"Jadi, kita berharap menerusi geran

itu, kita mampu menggantikan paip lama terbabit dan mengurangkan air yang tidak terhasil," katanya.

FAKTA NOMBOR

RM750j

Kos Empangan Triang

RM284j

Kos Empangan Batu Hampar